

Utusan Malaysia - Pilihan Raya Tidak Beri Kesan Negatif Kepada Ekonomi

Khamis, Apr 19 2018

Pilihan raya tidak beri kesan negatif kepada ekonomi

UM 19/4.

KAMPAR 18 April - Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei ini, tidak akan memberi kesan negatif kepada ekonomi Malaysia malah dapat mengukuhkan lagi pertumbuhannya.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, ini berikutan keyakinan pelbagai pihak termasuk pelabur asing bahawa kerajaan sedia ada akan terus mentadbir selepas PRU-14, sekali gus membolehkan mereka meneruskan pelaburan di sini.

"Pelabur asing mempunyai keyakinan tinggi dengan prestasi bursa saham, ringgit Malaysia yang semakin mengukuh, harga minyak bertambah baik malah kerajaan juga dapat menambah wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sekali ganda daripada RM400 kepada RM800.

"Ini membuktikan keadaan ekonomi negara berada dalam keadaan terbaik untuk menghadapi PRU-14," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kementerian Kewangan Bersama Rakyat di Arena Rakyat Tualang Sekah di sini, hari ini.

Mohd. Irwan berkata, petun-



Jika dilihat perkembangan setakat ini, ia amat membanggakan kerana eksport negara merekodkan pertumbuhan dua angka."

**MOHD. IRWAN
SERIGAR ABDULLAH**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

juk ekonomi negara pada suku pertama tahun ini juga menunjukkan prestasi yang baik untuk mencapai pertumbuhan antara 5.5 hingga 6.0 peratus tahun ini.

"Prestasi ekonomi negara bagi suku pertama tahun ini akan diumumkan Mei ini.

"Namun jika dilihat perkembangan setakat ini, ia amat membanggakan kerana eksport negara merekodkan pertumbuhan dua angka," katanya.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang turut

mendapat kerjasama Jabatan Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) itu bertujuan membantu meringankan beban rakyat.

Pada majlis itu, Mohd. Irwan turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas kepada tiga buah Maahad Tahfiz Al-Quran di sekitar Malim Nawar manakala 21 keluarga kurang berkemampuan turut menerima bantuan barangan keperluan asas. - BERNAMA